

**KAJIAN PERMASALAHAN YANG DIHADAPI OLEH PELAJAR-
PELAJAR TINGKATAN EMPAT DI SEKOLAH MENENGAH MERSING
BERASASKAN SENARAI SEMAK MOONEY**

¹Azizi Yahaya, ²Noordin Yahaya, ³Sabihah Binti Sapuan

¹Universiti Teknologi Malaysia

²Universiti Teknologi Mara (Melaka)

³Sk Sawah Dato', Mersing

e-mail : bihaspp4313@gmail.com

ABSTRAK

Dalam kajian ini penyelidik ingin melihat permasalahan yang paling utama, pencapaian akademik pelajar dalam PMR serta mengenal pasti perbezaan permasalahan yang dihadapi berdasarkan demografi pelajar. Kajian dilakukan ke atas 186 orang responden menggunakan soal selidik yang diterjemah daripada MPCL yang dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A melibatkan demografi pelajar dan bahagian B melibatkan maklum balas pelajar terhadap elemen permasalahan. Maklum balas yang diterima dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 14.0. Statistik deskriptif seperti frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai dan statistik inferensi seperti ujian-t telah digunakan dalam kajian ini. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach adalah $\alpha=0.895$. Hasil kajian menunjukkan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di sekolah menengah daerah Mersing berada pada tahap sederhana (min=3.20). Permasalahan akademik dan kerjaya merupakan permasalahan yang paling utama (min=3.82) serta tidak terdapat perbezaan permasalahan pelajar mengikut jantina, bangsa dan lokasi sekolah kecuali terdapat perbezaan permasalahan agama/ moral mengikut bangsa ($p=0.01<\alpha=0.05$) dan terdapat perbezaan permasalahan persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang dikaji mengikut jantina ($p=0.004<\alpha=0.05$) dan lokasi sekolah ($p=0.002<\alpha=0.05$). Ini bermakna pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing perlu dibantu bagi mengurangkan permasalahan akademik dan kerjaya, serta tumpuan boleh diberi bagi permasalahan agama/ moral mengikut bangsa dan persekolahan mengikut lokasi sekolah.

Kata Kunci: pencapaian akademik, permasalahan agama/ moral dan Kerjaya

In this research, the researcher would like to know the main problem faced the students, their academic achievement in PMR. Demography factor were used as a measurement to determine the difference in problems encountered by the students. The study involved 186 respondents of students and the instrument used was a questionnaire of MPCL which includes two sections. Section A included the respondent's demography and section B, the students respond to the lists of problems. The result was analysed using the SPSS 14.0 version. Descriptive analysis such as frequency, percent, mean and standard deviation and statistical analysis of t-test have been used to test the differences in the construct studied. Reliability of MPCL is $\alpha=0.895$. The result of the study showed that the problems faced the students in secondary school at Mersing district was at the average level (min=3.20). The problem in academic and career was the main problem encountered by the students (min=3.28), it also showed that there was no difference according to gender, race and school location except that there was a difference problems related to religion/ moral related to race ($p=0.01<\alpha=0.05$). However there were differences of educational problems according to gender ($p=0.002<\alpha=0.05$) and school location ($p=0.002<\alpha=0.05$). This mean that the form four students in secondary schools at Mersing district need to be helped to solve their academic and career problems and also had to be focused in religion/ moral problems according to race and educational problems by school location.

Keywords: academic achievement problems, religion/ moral problems, Career Problem

Pendahuluan

Banyak kajian telah dijalankan di Malaysia berkenaan masalah-masalah remaja sesuai dengan tuntutan semasa. Kajian-kajian yang dijalankan berkaitan masalah-masalah pelajar di bandar dan luar bandar, masalah pelajar di asrama dan masalah pelajar di pusat pengajian tinggi. Aspek yang ditekankan ialah jantina, status sosio ekonomi, bangsa dan kategori sekolah.

Najah Hashim (1986), (dalam Rozaidah, 2005) telah menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengenalpasti masalah sosial-psikologi dalam kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah Ledang, Tangkak, Johor. Seramai 100 orang pelajar dipilih secara rawak menggunakan *Mooney Problem Check List* (MPCL). Daripada analisis Khi Kuasa Dua didapati terdapat perbezaan masalah yang signifikan antara lelaki dan perempuan. Kajian ini juga menunjukkan pelajar dari aliran sains tidak mempunyai perbezaan masalah yang signifikan dengan pelajar aliran sastera. Kajian juga mendapati masalah penyesuaian terhadap kerja sekolah merupakan masalah utama diikuti dengan masalah masa depan pelajar dan kerjaya. Rakan sebaya dan ibu bapa adalah individu penting untuk merujuk masalah.

Maznah Yusof (1981), (dalam Rozaidah, 2005) yang telah menjalankan kajian terhadap pelajar tingkatan empat di sekolah luar bandar di Negeri Sembilan menggunakan *Mooney Problem Check List* untuk mengetahui masalah utama mereka. Seramai 55 orang pelajar telah dipilih sebagai responden kajian. Daripada hasil kajian ini, terdapat dua masalah utama pelajar, iaitu masalah penyesuaian persekolahan dan masalah masa depan dan kerjaya. Hasil daripada kajian tersebut beliau mendapati wujud perbezaan masalah dari segi jantina, dimana pelajar lelaki mempunyai banyak masalah berbanding dengan pelajar perempuan dalam 11 kategori masalah.

Mizan (1994) dalam kajiannya mendapati 90 peratus daripada pelajar yang dikaji menyatakan satu daripada sebab mereka suka kesekolah adalah kerana di

sekolah terdapat ramai kawan yang dapat berkongsi pengalaman dan suka duka bersama. Namun di sekolah juga boleh menjadi punca masalah pelajar terutama yang berada pada tahap bawah pencapaian/ pencapaian rendah. Ramai pelajar gagal untuk memenuhi harapan yang diletakkan oleh ibu bapa dan sekolah. Mereka sering mengalami masalah dalam kehidupan persekolahan mereka. Terdapat berbagai-bagai sebab mengapa pelajar memperolehi pencapaian yang rendah. Antaranya ialah murid sering sedih dan risau. Keadaan sedih dan risau ini boleh mengganggu prestasi pelajaran pelajar kerana tidak dapat memberi tumpuan penuh kepada pelajaran.

Manakala Mariam Omar (1995), (dalam Rozaidah, 2005) telah menganalisis masalah yang dihadapi oleh pelajar Asrama Bakti, Kuala Lumpur. Beliau menggunakan alat kajian *Mooney Problem Check List* berdasarkan enam kategori masalah iaitu kewangan, masalah pergaulan muda mudi, masalah penyesuaian terhadap kerja sekolah, masalah sosial-psikologi dan masalah keluarga. Seramai 200 orang pelajar daripada tingkatan 1 hingga 5 telah dipilih sebagai responden. Sebanyak 180 item telah digunakan dan hasil kajian mendapati masalah yang paling kerap adalah masalah penyesuaian dalam kerja-kerja akademik. Selain daripada itu, tiada perbezaan yang signifikan diantara masalah yang dihadapi berdasarkan perubahan jantina iaitu lelaki dan perempuan. Namun ada hubungan yang signifikan berdasarkan pembolehubah umur.

Ismail Ahmad (2000) dalam kajiannya keatas pelajar-pelajar tingkatan 2 dan 4 di sekolah menengah daerah Johor Bahru mendapati bahawa hasil kajian kategori masalah dengan demografi jantina, tingkatan dan aliran menunjukkan kategori masalah yang paling mengganggu pelajar adalah pelajaran dan kerjaya masa depan (11.48 peratus), moral dan agama (10.71 peratus). Kewangan dan keadaan hidup dan pelajaran (8.85 peratus).

Rozaidah Muni (2005) dalam kajiannya mengenai kategori masalah terhadap pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan UTM pula mendapati tiga kategori

masalah utama ialah kegiatan sosial, rekreasi (47.46 peratus). Penyesuaian terhadap kerja-kerja akademik (47.34peratus) dan perhubungan peribadi dan psikologi (emosi), sebanyak 43.23 peratus.

Sekiranya dihalusi dari kajian-kajian lepas, pelajar khususnya remaja menghadapi masalah penyesuaian kerja sekolah, masa depan dan emosi. Permasalahan ini perlu diatasi agar matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk membentuk individu yang seimbang dari segi Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek dapat direalisasikan. Masalah ini timbul mungkin hasil daripada sistem pendidikan yang dilaksanakan dinegara kita yang memberi tumpuan kepada pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam (UPSR, PMR, SPM dan STPM). Pendidikan pelajar kearah penyuburan nilai kreatif dan proaktif yang membolehkan mereka menilai sesuatu itu sama ada baik atau buruk kurang diberikan penekanan atau mungkin diabaikan. Diharapkan kajian ini dapat digunakan sebagai garis panduan untuk memperkemaskan lagi sistem pendidikan sedia ada khususnya di sekolah yang terlibat.

Kajian terhadap permasalahan di kalangan pelajar telah mula dikaji sejak tahun tiga puluhan diluar negara. Beberapa teknik telah digunakan oleh penyelidik seperti temuduga dan soal selidik untuk mengetahui masala-masalah tersebut.

Mooney (1950) menyenaraikan 11 kategori masalah yang biasanya dikenalpasti oleh pelajar iaitu masalah keluarga, penyesuaian terhadap kerja sekolah, kewangan dan kehidupan, sosial dan hiburan, perkahwinan dan seks, agama dan moral, kesihatan dan fizikal, perhubungan sosial-psikologi, peribadi dan emosi, akademik dan kerjaya dan akhir sekali masalah kurikulum dan kaedah pengajaran. 11 kategori masalah ini terkandung dalam *Mooney Problem Check List* atau Senarai Semak Mooney. Ianya banyak digunakan oleh penyelidik lain sehingga hari ini.

Mooney membuat kajian terhadap 600 orang pelajar sekolah tinggi dan mendapati masalah utama yang dihadapi ialah masalah pelajaran dan kerjaya masa depan. Diikuti dengan masalah kewangan dan kehidupan seterusnya masalah penyesuaian terhadap kerja-kerja sekolah.

Moss (1963), mendapati kebanyakan mahasiswa sentiasa takut kepada kegagalan serta bimbang jika tidak memperolehi markah yang tinggi dalam setiap ujian atau tidak tahu bagaimana untuk mencapai kejayaan akademik cemerlang. Beliau mendapati bahawa 70 peratus daripada 1350 orang pelajar menyatakan kerisauan jika pensyarah mereka tidak memahami masalah yang mereka hadapi. Keadaan ini menunjukkan pelajar sentiasa tidak yakin kepada diri sendiri.

Keikonheimo and Shute (1986) dalam kajian keatas pelajar luar negara yang berada di Kanada pula mendapati masalah yang sering dihadapi adalah kemahiran berbahasa, isu akademik, perbezaan budaya, diskriminasi kaum dan hubungan mereka dengan pendidikan Kanada.

Tujuan

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab beberapa persoalan mengenai hubungan permasalahan dengan demografi pelajar-pelajar sekolah menengah dengan menggunakan Senarai Semak Mooney di sekolah menengah daerah Mersing. Di antara persoalan-persoalannya ialah; Apakah permasalahan pelajar yang utama seperti kewangan, sosial dan hiburan, keluarga, agama/moral, akademik dan kerjaya, dan persekolahan pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing. Apakah pencapaian akademik pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan seperti kewangan, sosial

dan hiburan, keluarga, agama/moral, akademik dan kerjaya dan persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut jantina pelajar lelaki dan pelajar perempuan di sekolah menengah daerah Mersing. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan seperti kewangan, sosial dan hiburan, keluarga, agama/moral, akademik dan kerjaya, dan persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut bangsa Melayu dan Cina di sekolah menengah daerah Mersing. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan seperti kewangan, sosial dan hiburan, psikologi sosial, keluarga, agama/moral, akademik dan kerjaya dan persekolahan yang dihadapi oleh pelajar mengikut lokasi bandar dan pelajar luar bandar di sekolah menengah daerah Mersing.

Sampel

Kajian ini dilakukan di sekolah menengah daerah Mersing, Johor. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah persampelan rumpun pelbagai peringkat (kluster atas kluster) untuk mendapatkan sampel daripada populasi. Menurut Jadual Penentuan Saiz Sampel oleh Krejcie, R.V dan Morgan D.W. (1970), telah menetapkan bahawa populasi seramai 360 orang, sampelnya ialah seramai 186 orang. Penyelidik telah mengambil sejumlah 186 orang pelajar daripada populasi 351 orang daripada aliran kemanusiaan sebagai responden di sekolah-sekolah yang terlibat sebagai mengatasi kemungkinan kehilangan kutipan data. Bilangan populasi seramai 351 orang ini yang melibatkan 4 buah sekolah adalah berdasarkan perolehan maklumat terkini daripada Sistem Maklumat Murid (SMM) melalui Guru penolong Kanan Hal Ehwal Murid bagi setiap sekolah tersebut.

Kaedah

Persampelan

Kaedah persampelan rumpun pelbagai peringkat (kluster atas kluster) dilakukan dengan mendapatkan senarai nama sekolah menengah daerah Mersing. Kemudian penyelidik melakukan pemilihan empat buah sekolah daripada lapan buah sekolah di daerah Mersing secara rawak. Seterusnya bilangan pelajar aliran kemanusiaan di empat buah sekolah yang terpilih diperolehi daripada Sistem Maklumat Murid (SMM) setiap sekolah tersebut. Bilangan pelajar aliran kemanusiaan yang terpilih dijumlahkan. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), bilangan responden yang diperlukan ditentukan. Kemudian penyelidik melabelkan setiap borang soal selidik yang telah diisi oleh responden dengan kod. Kod semua borang soal selidik dimasukkan ke dalam satu bekas dan digaul rata. Kod-kod kemudian dicabut satu demi satu sehingga bilangan kod yang dikehendaki diperolehi. Seterusnya, set soal selidik yang bakal digunakan dalam kajian ditentukan berdasarkan kod-kod yang telah berjaya dicabut.

Instrumen Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik telah menyediakan satu set borang soal selidik (*Questionnaire survey method*) yang digunakan sebagai instrumen kajian. Menurut Azizi Yahaya et al (2007), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Ia digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta seperti kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan serta dapat mencapai tujuan kajian dengan perbelanjaan yang sederhana. Kaedah soal selidik secara tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data yang diperolehi juga mudah dianalisis.

Oleh itu, bagi memudahkan penyelidik mendapat kerjasama daripada responden, penggunaan instrumen ini amat bertepatan kerana responden bebas memilih dan menilai sehingga mengeluarkan satu keputusan yang benar-benar diingini tanpa rasa tertekan. Ini jelas dinyatakan oleh Siegel (1988), iaitu penggunaan soal selidik lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden.

Borang soal selidik yang disediakan oleh penyelidik mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A, melibatkan latar belakang pelajar. Bahagian ini mengandungi empat item soalan yang memerlukan pelajar menandakan (/) pada kotak jawapan yang disediakan. Responden dikehendaki menyatakan maklumat yang berkaitan dengan dirinya iaitu jantina, bangsa, lokasi sekolah dan pencapaian akademik. Bahagian B pada borang soal selidik pula mengandungi 60 item soalan yang dibina sendiri oleh penyelidik daripada senarai semak Mooney berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian. Item-item dalam bahagian B disusun mengikut perkara yang dikaji bagi memudahkan penyelidik membuat analisis pada item-item yang telah dijawab oleh responden. Jadual 3.4 di bawah ditunjukkan susunan item-item yang dibina oleh penyelidik.

BAHAGIAN B : PERMASALAHAN PELAJAR

ARAHAN : Sila tandakan (/) jawapan yang anda fikir paling sesuai untuk menerangkan diri anda di dalam ruangan yang disediakan berdasarkan panduan seperti berikut :

- 5 = Sangat Setuju
 4 = Setuju
 3 = Tidak Pasti
 2 = Tidak Setuju
 1 = Sangat Tidak Setuju

Bil.	Item	5	4	3	2	1
KEWANGAN						
1	Perlu belajar menyimpan wang					
2	Saya tahu menggunakan wang dengan bijak					
3	Terpaksa meminta wang dari ibu bapa					
4	Mempunyai wang belanja yang tetap					
5	Mempunyai pakaian cantik yang sangat sedikit					
6	Keluarga bimbang tentang kewangan					
7	Tinggal terlalu jauh dari sekolah					
8	Ingin mendapatkan wang untuk diri sendiri					
9	Ingin membeli lebih banyak barangan untuk diri sendiri					
10	Perlukan wang untuk meneruskan persekolahan					
SOSIAL DAN HIBURAN						
11	Mengambil masa untuk berkenalan dengan orang					
12	Rasa kekok berjumpa dengan orang					
13	Sukar untuk meneruskan sesuatu perbualan					
14	Saya pasti mengenai ketertiban sosial saya					
15	Mempunyai cukup masa untuk berhibur					
16	Sangat sedikit peluang untuk keluar dan menikmati alam semulajadi					
17	Inginkan lebih masa untuk diri sendiri					
18	Mempunyai perkara menarik untuk dilakukan pada masa lapang					
19	Ingin memperbaiki wajah saya					

20 Terlalu sedikit peluang untuk memenuhi hobi

		5	4	3	2	1
KELUARGA						
21	Ibubapa menyebelahi abang atau adik					
22	Ibubapa terlalu banyak berkorban untuk saya					
23	Ibubapa memahami saya					
24	Di rumah dilayan seperti kanak-kanak					
25	Sehaluan dengan adik-beradik					
26	Melawan cakap ibu bapa					
27	Gembira bersama ibu dan ayah					
28	Merasa seolah-olah tidak mempunyai keluarga					
29	Tragedi kematian dalam keluarga					
30	Memberitahu segala rahsia kepada ibu bapa					
AGAMA DAN MORAL						
31	Jarang ke rumah ibadat					
32	Ragu mengenai erti Tuhan					
33	Ragu tentang beberapa persoalan agama yang saya dengar					
34	Terganggu dengan perkara-perkara buruk yang dilakukan oleh kanak-kanak lain					
35	Terpengaruh dengan prasangka kaum dan agama					
36	Ibubapa berpendirian kolot					
37	Ingin merasa hampir dengan Tuhan					
38	Ragu untuk menyatakan yang mana betul dan yang mana salah					
39	Mencarut cerita lucu					
40	Ragu apa yang akan terjadi kepada orang apabila mereka mati					
AKADEMIK DAN KERJAYA						
41	Meragui samada pemilihan mata pelajaran yang diambil sekarang sesuai dengan pemilihan kerja masa depan					
42	Perlu mengetahui kebolehan saya dalam sesuatu bidang pekerjaan					
43	Meragui samada saya akan berjaya memperolehi pekerjaan yang saya inginkan					
44	Memerlukan bimbingan mengenai apa yang saya harus lakukan selepas tamat persekolahan					
45	Perlu mengambil keputusan tentang pekerjaan masa depan					
46	Dapat mengaitkan mata pelajaran yang diikuti sekarang dengan kerjaya					

47	Yakin kerja-kerja yang diberikan semasa pengajaran memberi faedah kepada saya					
48	Ingin belajar mengenai sesuatu pekerjaan					
49	Memutuskan samada hendak meneruskan persekolahan dengan bidang yang dipilih atau tidak					
50	Perlu untuk memilih sesuatu mata pelajaran					
PERSEKOLAHAN		5	4	3	2	1
51	Selalu sangat hadir ke sekolah					
52	Dapat memahami beberapa mata pelajaran dengan memuaskan					
53	Belajar secukupnya					
54	Berminat kepada buku-buku akademik					
55	Dapat melahirkan pemikiran saya dengan tepat					
56	Takut melibatkan diri dalam perbincangan kumpulan					
57	Dapat menyelesaikan tugas pada masa yang ditetapkan					
58	Suka belajar					
59	Tahu cara belajar yang berkesan					
60	Berminat kepada beberapa mata pelajaran yang diikuti					

Keputusan

Berdasarkan data-data yang diperolehi daripada borang soal selidik, penyelidik telah menganalisis maklumbalas responden terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing berdasarkan kepada persoalan kajian menggunakan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi setiap item soalan serta min keseluruhan dan sisihan piawai bagi menentukan permasalahan yang utama yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di sekolah menengah daerah Mersing, seperti jadual berikut:

Jadual 1: Taburan maklumbalas responden mengikut frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai bagi permasalahan kewangan

No. item	Pernyataan		SS	S	TP	TS	STS	Min	SP
			5	4	3	2	1		
B1	Perlu belajar menyimpan wang	F	114	65	5	2	0	4.56	0.60
		%	61.3	34.9	2.7	1.1	0		
B2	Saya tahu menggunakan wang dengan bijak	F	29	56	77	21	3	3.46	0.94
		%	15.6	30.1	41.4	11.3	1.6		
B3	Terpaksa meminta wang dari ibu bapa	F	24	80	52	23	7	3.48	0.99
		%	12.9	43.0	28.0	12.4	3.8		
B4	Mempunyai wang belanja yang tetap	F	31	47	51	48	9	3.23	1.15
		%	16.7	25.3	27.4	25.8	4.8		
B5	Mempunyai pakaian cantik yang sangat sedikit	F	17	45	75	41	8	3.11	0.99
		%	9.1	24.2	40.3	22.0	4.3		
B6	Keluarga bimbang tentang kewangan	F	32	62	61	24	7	3.47	1.04
		%	17.2	33.3	32.8	12.9	3.8		
B7	Tinggal terlalu jauh dari sekolah	F	19	44	33	68	22	2.83	1.21
		%	10.2	23.7	17.7	36.6	11.8		
B8	Ingin mendapatkan wang untuk diri sendiri	F	66	68	33	13	6	3.94	1.05
		%	35.5	36.6	17.7	7.0	3.2		
B9	Ingin membeli lebih banyak barangan untuk diri sendiri	F	55	62	38	23	8	3.71	1.14
		%	29.6	33.3	20.4	12.4	4.3		
B10	Perlukan wang untuk meneruskan persekolahan	F	111	49	11	9	6	4.34	1.01
		%	59.7	26.3	5.9	4.8	3.2		

Skor Min Keseluruhan = 3.61

Sisihan Piawai = 0.44 n = 186

1 = Sangat Tidak Setuju

2 = Tidak Setuju

3 = Tidak Pasti

4 = Setuju

5 = Sangat Setuju

Jadual 2 : Taburan maklumbalas responden mengikut frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai bagi permasalahan keluarga

No. item	Pernyataan		SS	S	TP	TS	STS	Min	SP
			5	4	3	2	1		
B21	Ibubapa menyebelahi abang atau adik	F	25	19	54	39	49	2.63	1.33
		%	13.4	10.2	29.0	21.0	26.3		
B22	Ibubapa terlalu banyak berkorban untuk saya	F	97	56	21	4	8	4.2	1.0
		%	52.2	30.1	11.3	2.2	4.3		
B23	Ibubapa memahami saya	F	55	49	56	16	10	3.66	1.14
		%	29.6	26.3	30.1	8.6	5.4		
B24	Di rumah dilayan seperti kanak-kanak	F	15	18	47	58	48	2.43	1.20
		%	8.1	9.7	25.3	31.2	25.8		
B25	Sehaluan dengan adik-beradik	F	34	61	48	32	11	3.40	1.14
		%	18.3	32.8	25.8	17.2	5.9		
B26	Melawan cakap ibu bapa	F	7	16	30	38	95	1.93	1.16
		%	3.8	8.6	16.1	20.4	51.1		
B27	Gembira bersama ibu dan ayah	F	120	28	11	5	22	4.17	1.36
		%	64.5	15.11	5.9	2.7	11.8		
B28	Merasa seolah-olah tidak mempunyai keluarga	F	4	4	20	27	131	1.51	0.92
		%	2.2	2.2	10.8	14.5	70.4		
B29	Tragedi kematian dalam keluarga	F	6	16	15	35	114	1.73	1.12
		%	3.2	8.6	8.1	18.8	61.3		
B30	Memberitahu segala rahsia kepada ibu bapa	F	16	34	55	45	36	2.72	1.21
		%	8.6	18.3	29.6	24.2	19.4		

Min Skor Keseluruhan = 2.84

Sisihan Piawai = 0.41

n = 186

Jadual 3: Taburan maklumbalas responden mengikut frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai bagi permasalahan agama dan moral

No.	Pernyataan	SS	S	TP	TS	STS
-----	------------	----	---	----	----	-----

item		5	4	3	2	1	Min	SP	
B31	Jarang ke rumah ibadat	F	5	44	56	42	39	2.64	1.13
		%	2.7	23.7	30.1	22.6	21.0		
B32	Ragu mengenai erti Tuhan	F	0	4	16	30	13	1.39	0.73
		%	0	2.2	8.6	16.1	73.1		
B33	Ragu tentang beberapa persoalan agama yang saya dengar	F	4	10	39	41	92	1.88	1.05
		%	2.2	5.4	21.0	22.0	49.5		
B34	Terganggu dengan perkara-perkara buruk yang dilakukan oleh kanak-kanak lain	F	9	48	47	51	31	2.74	1.15
		%	4.8	25.8	25.3	27.4	16.7		
B35	Terpengaruh dengan prasangka kaum dan agama	F	4	10	35	36	101	1.81	1.05
		%	2.2	5.4	18.8	19.4	54.3		
B36	Ibubapa berpendirian kolot	F	5	8	20	30	123	1.61	1.01
		%	2.7	4.3	10.8	16.1	66.1		
B37	Ingin merasa hampir dengan Tuhan	F	114	22	19	10	21	4.06	1.39
		%	61.3	11.8	10.2	5.4	11.3		
B38	Ragu untuk menyatakan yang mana betul dan yang mana salah	F	15	36	67	36	32	2.81	1.17
		%	8.1	19.4	36.0	19.4	17.2		
B39	Mencarut cerita lucu	F	5	4	35	37	105	1.74	1.01
		%	2.7	2.2	18.8	19.9	56.5		
B40	Ragu apa yang akan terjadi kepada orang apabila merek Mati	F	12	31	59	24	60	2.52	1.27
		%	6.5	16.7	31.7	12.9	32.3		

Min Skor Keseluruhan = 2.32

Sisihan Piawai = 0.51

n = 186

Jadual 4 : Taburan maklumbalas responden mengikut frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai bagi permasalahan akademik dan kerjaya

No.	Penyataan	SS	S	TP	TS	STS
-----	-----------	----	---	----	----	-----

Item		5	4	3	2	1	Min	SP	
B41	Meragui samada pemilihan mata pelajaran yang diambil sekarang sesuai dengan pemilihan kerja masa depan	F	33	48	53	24	28	3.18	1.29
		%	17.7	25.8	28.5	12.9	15.1		
B42	Perlu mengetahui kebolehan saya dalam sesuatu bidang pekerjaan	F	76	85	18	6	1	4.23	0.79
		%	40.9	45.7	9.7	3.2	0.5		
B43	Meragui samada saya akan berjaya memperolehi pekerjaan yang saya inginkan	F	43	47	67	17	12	3.49	1.13
		%	23.1	25.3	36.0	9.1	6.5		
B44	Memerlukan bimbingan mengenai apa yang saya harus lakukan selepas tamat persekolahan	F	72	79	19	12	4	4.09	0.96
		%	38.7	42.5	10.2	6.5	2.2		
B45	Perlu mengambil keputusan tentang pekerjaan masa depan	F	79	80	16	4	7	4.18	0.95
		%	42.5	43	8.6	2.2	3.8		
B46	Dapat mengaitkan mata pelajaran yang diikuti sekarang dengan kerjaya	F	46	54	59	19	8	3.59	1.09
		%	24.7	29.0	31.7	10.2	4.3		
B47	Yakin kerja-kerja yang diberikan semasa pengajaran memberi faedah kepada saya	F	78	44	45	13	6	3.94	1.11
		%	41.9	23.7	24.2	7.0	3.2		
B48	Ingin belajar mengenai sesuatu pekerjaan	F	95	65	17	4	5	4.29	0.92
		%	51.1	34.9	9.1	2.2	2.7		
B49	Memutuskan samada hendak meneruskan persekolahan dengan bidang yang dipilih atau tidak	F	36	42	71	21	16	3.32	1.16
		%	19.4	22.6	38.2	11.3	8.6		
B50	Perlu untuk memilih sesuatu mata pelajaran	F	54	79	37	13	3	3.90	0.95
		%	29.0	42.5	19.9	7.0	1.6		

Min Skor Keseluruhan = 3.82

Sisihan Piawai = 0.46

n = 186

Jadual 5 : Taburan maklumbalas responden mengikut frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai bagi permasalahan persekolahan

No.	Penyataan	SS	S	TP	TS	STS
-----	-----------	----	---	----	----	-----

item			5	4	3	2	1	Min	SP
B51	Selalu sangat hadir ke sekolah	F	50	28	27	26	55	2.95	1.60
		%	26.9	15.1	14.5	14.0	29.6		
B52	Dapat memahami beberapa mata pelajaran dengan memuaskan	F	29	59	63	25	10	3.38	1.07
		%	15.6	31.7	33.9	13.4	5.4		
B53	Belajar secukupnya	F	29	70	58	21	8	3.48	1.02
		%	15.6	37.6	31.2	11.3	4.3		
B54	Berminat kepada buku-buku akademik	F	26	57	72	22	9	3.37	1.02
		%	14.0	30.6	38.7	11.8	4.8		
B55	Dapat melahirkan pemikiran saya dengan tepat	F	25	63	63	28	7	3.38	1.01
		%	13.4	33.9	33.9	15.1	3.8		
B56	Takut melibatkan diri dalam perbincangan kumpulan	F	9	16	46	66	48	2.30	1.09
		%	4.8	8.6	24.7	36.0	25.8		
B57	Dapat menyelesaikan tugas pada masa yang ditetapkan	F	37	52	62	18	17	3.39	1.17
		%	19.9	28.0	33.3	9.7	9.1		
B58	Suka belajar	F	49	61	41	21	14	3.59	1.20
		%	26.3	32.8	22.0	11.3	7.6		
B59	Tahu cara belajar yang berkesan	F	24	55	72	23	12	3.30	1.05
		%	12.9	29.6	38.7	12.4	6.5		
B60	Berminat kepada beberapa mata pelajaran yang diikuti	F	75	51	31	17	12	3.86	1.22
		%	40.3	27.4	16.7	9.1	6.5		

Skor Min Keseluruhan = 3.30

Sisihan Piawai = 0.61

n = 186

Jadual 6: Tahap permasalahan responden mengikut min skor dan sisihan piawai keseluruhan

Permasalahan	Min Skor	Sisihan Piawai	Tahap
--------------	----------	----------------	-------

			Permasalahan
Kewangan	3.61	1.21	Sederhana
Sosial dan hiburan	3.29	0.47	Sederhana
Keluarga	2.84	0.41	Sederhana
Agama dan moral	2.32	0.51	Rendah
Akademik dan kerjaya	3.82	0.46	Sederhana
Persekolahan	3.30	0.61	Sederhana
Keseluruhan	3.20	0.26	Sederhana

Jadual 7: Taburan responden mengikut pencapaian dalam mata pelajaran peperiksaan menengah rendah (PMR)

Mata Pelajaran		A	B	C	D	E	Min	SP
		5	4	3	2	1		
Bahasa Malaysia	F	59	83	40	3	1	4.05	0.80
	%	31.7	44.6	21.5	1.6	0.5		
Bahasa Inggeris	F	12	24	32	50	68	2.25	1.25
	%	6.5	12.9	17.2	26.9	36.6		
Matematik	F	6	39	59	64	18	2.73	1.0
	%	3.2	21.0	31.7	34.4	9.7		
Sains	F	2	42	65	75	2	2.82	0.82
	%	1.1	22.6	34.9	40.3	1.1		
Sejarah	F	20	65	56	43	2	2.73	1.0
	%	10.8	34.9	30.1	23.1	1.1		
Geografi	F	16	71	51	48	0	3.29	0.94
	%	8.6	38.2	27.4	25.8	0		
Pendidikan Agama Islam	F	41	75	32	9	1	2.82	0.82
	%	25.9	47.5	20.3	5.7	0.6		
Kemahiran Hidup	F	14	77	72	22	1	3.43	0.81
	%	7.5	41.4	38.7	11.8	0.5		

Skor Min Keseluruhan = 3.15

Sisihan Piawai = 0.70

n = 186

Jadual 8: Keputusan ujian- t bagi permasalahan pelajar mengikut jantina

Permasalahan	Jantina	n	Min	Sisihan Piawai	df	t	Signifikan	Keputusan
Kewangan	Lelaki	90	3.64	0.432	184	0.644	0.52	p= 0.52> $\alpha = 0.05$ Diterima
	Perempuan	96	3.59	0.456	183.98	0.646		
Sosial dan hiburan	Lelaki	90	3.34	0.470	184	1.388	0.97	p = 0.97> $\alpha = 0.05$ Diterima
	Perempuan	96	3.24	0.476	183.53	1.389		
Keluarga	Lelaki	90	2.88	0.470	184	1.25	0.02	p = 0.02> $\alpha = 0.05$ Diterima
	Perempuan	96	2.80	0.352	164.68	1.24		
Agama	Lelaki	90	2.40	0.509	184	2.052	0.89	p = 0.89> $\alpha = 0.05$ Diterima
	Perempuan	96	2.25	0.502	182.90	2.052		
Akademik	Lelaki	90	3.80	0.490	184	-0.549	0.32	p=0.32> $\alpha =0.05$ Diterima
	Perempuan	96	3.84	0.432	177.53	-0.547		
Persekolahan	Lelaki	90	3.23	0.687	184	-1.460	0.04	p=0.04< $\alpha =0.05$ Ditolak
	Perempuan	96	3.36	0.531	167.54	-1.448		

*Signifikan pada Aras Keertian = 0.05 ($p > .05$), hipotesis nol diterima.

*Signifikan pada Aras Keertian = 0.05 ($p < .05$), hipotesis nol ditolak

Jadual 9: Keputusan ujian- t bagi permasalahan pelajar mengikut bangsa

Permasalahan	Bangsa	n	Min	Sisihan Piawai	Df	t	Signifikan	Keputusan
Kewangan	Melayu	159	3.63	0.43	184	1.216	0.55	p= 0.55> $\alpha = 0.05$ Diterima
	Cina	27	3.52	0.47	34.05	1.154		
Sosial dan hiburan	Melayu	159	3.31	0.48	184	0.231	0.23	p = 0.23> $\alpha = 0.05$ Diterima
	Cina	27	3.14	0.39	40.69	2.059		
Keluarga	Melayu	159	2.84	0.41	184	-0.391	0.47	p = 0.47> $\alpha = 0.05$ Diterima
	Cina	27	2.87	0.39	36.6	-0.407		
Agama	Melayu	159	2.32	0.48	184	-0.001	0.01	p = 0.01< $\alpha = 0.05$ Ditolak
	Cina	27	2.32	0.64	31.32	-0.001		
Akademik	Melayu	159	3.82	0.45	184	0.256	0.22	p=0.22> $\alpha =0.05$ Diterima
	Cina	27	3.80	0.52	32.84	0.230		
Persekolahan	Melayu	159	3.31	0.59	184	0.412	0.06	p=0.06> $\alpha =0.05$ Diterima
	Cina	27	3.25	0.73	31.92	0.352		

*Signifikan pada Aras Keertian = 0.05 ($p > .05$), hipotesis nol diterima.

*Signifikan pada Aras Keertian = 0.05 ($p < .05$), hipotesis nol ditolak.

Jadual 10 : Keputusan ujian-t bagi permasalahan pelajar mengikut

lokasi sekolah

Permasalahan	Lokasi Sekolah	N	Min	Sisihan Piawai	Df	t	Signifikan	Keputusan
Kewangan	Bandar	73	3.61	0.48	184	-0.079	0.051	p= 0.051 > $\alpha = 0.05$ Diterima
	Luar bandar	113	3.62	0.41	137.80	-0.077		
Sosial dan hiburan	Bandar	73	3.32	0.51	184	0.74	0.44	p = 0.44 > $\alpha = 0.05$ Diterima
	Luar Bandar	113	3.37	0.44	137.26	0.72		
Keluarga	Bandar	73	2.90	0.416	184	1.454	0.46	p = 0.46 > $\alpha = 0.05$ Diterima
	Luar Bandar	113	2.80	0.411	152.69	1.451		
Agama	Bandar	73	2.29	0.54	184	-0.75	0.26	p = 0.26 > $\alpha = 0.05$ Diterima
	Luar Bandar	113	2.34	0.48	140.79	-0.74		
Akademik	Bandar	73	4.01	0.42	184	4.75	0.94	p=0.94 > $\alpha = 0.05$ Diterima
	Luar Bandar	113	3.70	0.44	156.78	4.78		
Persekolahan	Bandar	733	3.38	0.51	184	1.39	0.002	p=0.002 < $\alpha = 0.05$ Ditolak
	Luar Bandar	113	3.25	0.66	178.97	1.47		

*Signifikan pada Aras Keertian = 0.05 ($p > .05$), hipotesis nol diterima.

*Signifikan pada Aras Keertian = 0.05 ($p < .05$), hipotesis nol ditolak.

Jadual 11 : Keseluruhan analisis data persoalan kajian

Bilangan	Persoalan Kajian	Tahap	Penentuan Hipotesis
1	Apakah permasalahan pelajar yang utama seperti kewangan, sosial dan hiburan, keluarga, agama/moral, akademik dan kerjaya, dan persekolahan.	Sederhana	-
2	Apakah pencapaian akademik pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing.	Sederhana	-
3	Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan seperti kewangan, sosial dan hiburan, keluarga, agama/moral, akademik dan kerjaya dan persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut jantina lelaki dan perempuan di sekolah menengah daerah Mersing.		
	Hipotesis Ho1 – Jantina:		
	Hipotesis Ho1.1 : Kewangan	-	Diterima
	Hipotesis Ho1.2: Sosial dan hiburan	-	Diterima
	Hipotesis Ho1.3: Keluarga	-	Diterima
	Hipotesis Ho1.4: Agama	-	Diterima
	Hipotesis Ho1.5: Akademik	-	Diterima
	Hipotesis Ho1.6: Persekolahan	-	Ditolak
4	Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan seperti kewangan, sosial dan hiburan, keluarga, agama/moral, akademik dan kerjaya dan persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut bangsa Melayu dan Cina di sekolah menengah daerah Mersing.		
	Hipotesis Ho 2 – Bangsa:		
	Hipotesis Ho 2.1: Kewangan	-	Diterima
	Hipotesis Ho2.2: Sosial/ hiburan	-	Diterima
	Hipotesisi Ho 2.3: Keluarga	-	Diterima
	Hipotesis Ho 2.4: Agama/moral	-	Ditolak
	Hipotesis Ho 2.5: Akademik	-	Diterima
	Hipotesis Ho 2.6: Persekolahan	-	Diterima

Bilangan	Persoalan Kajian	Tahap	Penentuan Hipotesis
5	Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan seperti kewangan, sosial dan hiburan, keluarga, agama/moral, akademik dan kerjaya, dan persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut lokasi sekolah bandar dan luar bandar di sekolah menengah daerah Mersing.		
	HipotesisHo 3 – Lokasi Sekolah:		
	Hipotesis Ho3.1: Kewangan	-	Diterima
	Hipotesis Ho3.2: Sosial /hiburan	-	Diterima
	Hipotesis Ho3.3: Keluarga	-	Diterima
	Hipotesis Ho3.4: Agama/moral	-	Diterima
	Hipotesis Ho3.5: Akademik dan Kerjaya	-	Diterima
	Hipotesis Ho3.6: Persekolahan	-	Ditolak

Perbincangan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan dapat dirumuskan bahawa responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar aliran kemanusiaan di sekolah menengah daerah Mersing yang dikaji, menghadapi permasalahan utama dalam akademik dan kerjaya dengan min skor tertinggi dalam akademik dan kerjaya iaitu, min skor 3.82 dan sisihan piawai 0.46. Dapatan tersebut bersesuaian dengan keperluan responden yang menunjukkan ingin belajar mengenai sesuatu pekerjaan merupakan pernyataan yang paling banyak dipersetujui oleh pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing dengan skor min 4.29 dan sisihan piawai 0.92. Manakala pernyataan berminat kepada beberapa mata pelajaran yang diikuti merupakan pernyataan yang paling banyak dipersetujui oleh pelajar-pelajar yang dikaji. Menurut Sidek (1996), motivasi dan sendiri pelajar sekolah dapat ditingkatkan dengan memberi penekanan kepada program perancangan pendidikan.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan didapati bahawa pencapaian pelajar-pelajar dalam peperiksaan PMR di sekolah menengah daerah Mersing yang dipilih dalam kajian ini berada pada tahap skor min 3.15 dan sisihan piawai 0.7. Dapatan ini menunjukkan pencapaian responden dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) berada pada tahap sederhana. Antara lapan mata pelajaran yang diambil semasa peperiksaan tersebut, menunjukkan bahawa mata pelajaran Bahasa Malaysia merupakan mata pelajaran yang paling tinggi min skor iaitu 4.05 dan sisihan piawai 0.80. Analisis data tersebut juga menunjukkan bahawa min skor mata pelajaran Bahasa Inggeris paling rendah iaitu 2.25. Oleh itu, pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris pada tahap rendah dan merupakan mata pelajaran kritikal yang sukar dikuasai oleh pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing.

Dapatan analisis kajian dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut jantina lelaki dan perempuan di sekolah menengah daerah Mersing. Perbezaan tersebut wujud berdasarkan dapatan pernyataan kajian yang menunjukkan responden berminat kepada beberapa mata pelajaran yang diikuti merupakan pernyataan yang paling banyak dipersetujui oleh pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing dengan skor min 3.86. Pernyataan takut melibatkan diri dalam perbincangan kumpulan merupakan permasalahan yang paling kurang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang mewakili sampel di sekolah yang dikaji dengan skor min 2.30 paling rendah. Walau bagaimanapun berdasarkan dapatan tersebut menunjukkan perbezaan yang signifikan antara permasalahan persekolahan yang dihadapi dari segi jantina melalui Ujian-t yang telah dijalankan.

Dapatan tersebut menggambarkan permasalahan persekolahan yang dihadapi oleh responden bangsa Melayu dan Cina hampir sama. Dapatan ini selari dengan pernyataan yang dipilih oleh responden Melayu dan Cina iaitu, berminat kepada

beberapa mata pelajaran yang diikuti merupakan pernyataan yang paling banyak dipersetujui oleh pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing dengan skor min 3.86. Manakala pernyataan takut melibatkan diri dalam perbincangan kumpulan merupakan permasalahan yang paling kurang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang mewakili sampel di sekolah yang dikaji dengan skor min 2.30 paling rendah. Dapatan tersebut selari dengan dapatan keseluruhan yang telah dirumuskan bahawa permasalahan persekolahan yang dihadapi oleh responden bangsa Melayu dan Cina berada pada tahap sederhana.

Dapatan kajian juga menggambarkan permasalahan persekolahan yang dihadapi oleh responden bandar dan luar bandar tidak serupa. Walau bagaimanapun dapatan keseluruhan bagi permasalahan persekolahan yang dihadapi oleh responden di sekolah bandar dan luar bandar berada pada tahap sederhana.

Cadangan

- i. Para pelajar seharusnya lebih kerap berjumpa dengan guru untuk berbincang mengenai masalah yang dihadapi dalam pelajaran. Melalui perbincangan ini para pelajar akan dapat mengatasi masalah yang timbul terutamanya berkaitan pelajaran dan kerjaya masa depan.
- ii. Walau pun remaja mampu menangani masalah dan tanggungjawab yang diberikan, namun bantuan dan bimbingan guru masih diperlukan dalam menentukan batas-batas kebebasan dan perlakuan. Kesederhanaan dan bimbingan adalah cara komunikasi yang baik.
- iii. Pihak pentadbir sekolah juga memainkan peranan penting dalam perkembangan minda dan diri pelajar. Pelaksanaan program-program motivasi, kepimpinan dan pembangunan pelajar dapat memupuk

perkembangan minda yang positif. Oleh itu sekolah perlu menubuhkan Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah (SPI Bil.1/1985), bertujuan untuk mewujudkan suasana yang seimbang di antara perkembangan mental dengan perkembangan sosial, rohani dan jasmani pelajar; mengadakan aktiviti-aktiviti di sekolah supaya pelajar-pelajar boleh mengisi masa lapang mereka dengan gerakerja yang bermanfaat dan dengan itu dapat menghindarkan pelajar-pelajar dari terceburlah dalam gerakerja yang tidak diinginkan seperti ponteng sekolah, penyalahgunaan dadah, membuang masa di pusat-pusat membeli belah atau melibatkan diri dengan kumpulan-kumpulan yang kurang sihat.

- iv. Mewujudkan persekitaran dan iklim sekolah yang sihat akan dapat menarik minat pelajar untuk ke sekolah dan menyegarkan jiwa mereka. Disiplin dan budaya sekolah yang baik sangat penting dalam mendidik remaja. Oleh itu, pihak sekolah perlu memastikan persekitaran dan budaya yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran wujud di sekolah.
- v. Dapatan kajian juga boleh digunakan oleh pihak sekolah untuk merancang program-program perkembangan diri dan pencegahan dalam Unit Bimbingan dan Kaunseling, Unit Agama dan Kerohanian di sekolah bagi mencapai matlamat menghasilkan pelajar cemerlang dan berketerampilan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing yang terlibat dalam kajian ini berada pada tahap sederhana. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, akademik dan kerjaya merupakan permasalahan utama yang dihadapi oleh responden. Ini diikuti oleh permasalahan kewangan sebagai permasalahan kedua dan permasalahan persekolahan sebagai permasalahan ketiga. Manakala permasalahan sosial dan hiburan serta keluarga masing-masing merupakan permasalahan keempat dan kelima. Permasalahan agama/ moral pula merupakan permasalahan yang paling kurang dihadapi oleh responden. Kesemua permasalahan ini merupakan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing pada tahap sederhana.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi permasalahan pelajar mengikut jantina bagi semua permasalahan kecuali bagi permasalahan persekolahan terdapat perbezaan permasalahan persekolahan mengikut jantina lelaki dan perempuan. Manakala bagi permasalahan pelajar mengikut bangsa pula, terdapat perbezaan permasalahan agama/ moral yang dihadapi oleh responden yang dikaji. Permasalahan pelajar mengikut lokasi sekolah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan permasalahan persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut lokasi bandar dan luar bandar di sekolah menengah daerah Mersing.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak iaitu ibu bapa, guru-guru, sekolah dan masyarakat memastikan pelajar yang tergolong sebagai remaja dibimbing bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul masa kini dan akan datang. Pepatah melayu menyatakan ‘mendidik anak biarlah dari rebungunya’, pepatah ini menyokong panduan yang telah digariskan dalam islam di mana hadis Rasulullah Saw bermaksud, *bahawa setiap anak Adam itu dilahirkan dalam keadaan fitrah. Maka ibu bapanya dan alam sekitarnya lah yang akan menjadikannya, Yahudi atau*

Nasrani atau majusi, (Hadis Riwayat Muslim). Daripada hadis ini dapat dilihat pengiktirafan islam bahawa ibu bapa amat memainkan peranan penting dalam menentukan masa hadapan anak-anaknya. Daripada kain yang putih bersih, ibu bapa disuruh mencorakkan anaknya dan hanya ibu bapa yang tinggi iman dan amalnya dapat membawa kebaikan kepada dewasanya anak itu kelak.

Akhirnya, diharapkan dapatan kajian ini akan dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar yang terdiri daripada golongan remaja, guru-guru, ibu bapa, pihak sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri untuk dijadikan sebagai satu panduan bagi tujuan merancang program-program perkembangan diri dan pencegahan dalam Unit Bimbingan dan Kaunseling dan Unit Agama dan Kerohanian di sekolah pada masa akan datang. Semoga usaha ini dapat dilaksanakan dengan jayanya demi untuk membentuk pelajar yang cemerlang dan berketrampilan.

Rujukan

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam pendidikan; teori, analisis dan Interpretasi data*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Jamaluddin Ramli, Abdul Latif Ahmad, Zurhana Muhamad (2007). *Buli* . Skudai : Penerbit UTM.
- Azizi Yahaya, Fawziah Yahya, Zurihanmi Zakariya, Nordin Yahaya.(2005). *Pembangunan Kendiri*. Skudai : Penerbit UTM.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim.(2007). *Pendidikan Kekeluargaan*. Skudai : Penerbit UTM.
- Brammer, R dan Fae Chen, Ching. (t.t) *The Effect Of Expanding Gender Roles On Behavioral Problems: A Comparison Of Female College Students In Taiwan*.
On line: www.multiculturaljournal.com/current/brammer2.html
- Erikson, Erik H. *Identity Youth and Crisis*: W. W. Norton & Company, 1968.

- Fennema, E.H dan Sherman, J.A. (1978) *Sex-related differences in mathematic achievement and related factors: A further study*. Journal for research in Mathematic Education, 9. 355-360
- Fritz, G. (1995). *Child, adolescent depression distinct from the adult version: The Brown University Child and Adolescent Behavior Letter*, 11, 1-3.
- Hasan Ali (1999) *Kaedah Mendidik Remaja Kini*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hasnah Hamzah. (2007). *Hubungan Kategori Masalah Dengan Demografi Pelajar-pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Zon Pasir Guda Berasaskan "Mooney Problem Check List"*. Tesis Ijazah Sarjana Psikologi Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jas Laile Suzana Jaafar (2008). *Pengenalan kepada Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Shah Alam : Penerbit Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Johnson, J. (1989) *Effects of sucessful female role model on young woman's attitude toward traditionally male careers*. Paper presented at the annual conference of the association for Educational Comunication and Technology, Dallas T.X
- Lamarine, R. (1995). Child and adolescent depression. *Journal of School Health*, 65, 390-394.
- Lewinsohn, P. M., Clarke, G. N., Hops, H., & Andrews, J. (1990). *Cognitive behavioral treatment for depressed adolescents*. Behavior Therapy, 21, 385-401.